

21/01/2001

Gabenor Tokyo syor pelajari kejayaan Malaysia

Karim Sulaiman in Osaka

OSAKA: Pembangunan bersepadu dan terancang, mendorong ada pihak di Jepun menyarankan agar negara itu mempelajari cara Malaysia mencapai kejayaan cemerlang dalam pembangunannya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, keadaan di Jepun berbeza dengan Malaysia kerana kebanyakan inisiatif pembangunan datang daripada pihak industri sendiri berbanding kerajaan.

"Mereka (rakyat Jepun) berpendapat pembangunan yang dilaksanakan di Malaysia lebih bersepadu dan terancang, termasuk dari segi teknologi maklumat dan Koridor Raya Multimedia (MSC).

"Mereka melihat pembangunan di Jepun tidak bersepadu dan terancang. Oleh itu, mereka berpendapat ada sesuatu yang boleh mereka pelajari daripada Malaysia," katanya pada sidang akhbar hari terakhir lawatan sambil kerja selama empat hari di wilayah Kansai, di sini semalam.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas saranan Gabenor Tokyo, Shintara Ishihara dalam rakaman program khas bertemakan Masa Depan Asia Pada Abad ke-21 di Studio 1, Kansai Telecasting Corporation, di sini, kelmarin.

Ishihara dalam program itu yang turut disertai Perdana Menteri, berkata sudah tiba masanya Jepun mempelajari kejayaan Malaysia.

Menurutnya, pembangunan pesat Malaysia disebabkan pemimpinnya tidak mengikut atau meniru cara orang lain dalam mentadbir negara.

"Malaysia berjaya dalam memulihkan ekonominya ketika kegawatan dunia tanpa bergantung kepada orang lain. Apa yang Malaysia lakukan itu terbukti berkesan dan diiktiraf oleh orang lain.

"Kita (Jepun) perlu mempelajari daripada Malaysia pula," katanya.

Program itu akan disiarkan di Jepun dan beberapa negara Asia, esok melalui rangkaian televisyen Fuji TV. Rakaman itu dibuat secara lintas langsung dari studio Fuji TV di Tokyo dan di sini.

Selain Dr Mahathir dan Ishihara, dua lagi penalnya ialah Pengarah Institut Kajian Strategik Mitusi, Jitsuro Terashima dan seorang juruanalisis terkenal Jepun, Kenichi Takemura.

Pada sidang akhbar itu, Perdana Menteri berkata, ekonomi bentuk lama masih diperlukan dalam pembangunan Malaysia, walaupun negara bergerak ke arah ekonomi baru berteraskan maklumat dan pengetahuan.

Menurutnya, ekonomi negara tidak boleh bergerak cergas tanpa ekonomi bentuk lama.

"Ramai orang bercakap mengenai ekonomi bentuk baru. Bagaimanapun, ekonomi bentuk baru semata-mata tidak dapat membekalkan kita dengan sesuatu pun.

"Kita masih memerlukan kegiatan seperti perniagaan, perdagangan dan pembuatan yang dibekalkan dengan barangan dan perkhidmatan.

"Barangan dan perkhidmatan ini boleh dibaiki menggunakan IT.

"Sementara kita menumpukan kepada ekonomi baru dengan tumpuan kepada pengetahuan dan maklumat, ekonomi bentuk lama masih perlu dibangunkan untuk rakyat," katanya.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir berkata Malaysia akan menimbang cadangan wilayah Yokohama supaya Penerbangan Malaysia (MAS) terbang dan singgah ke Yokohama.

Beliau berkata cadangan itu dikemukakan oleh Gabenor Wilayah Yokohama semasa perjumpaan mereka di sini, kelmarin.

"Mereka tidak sabar menunggu MAS terbang ke Yokohama. Ini sesuatu yang

kita patut pertimbangkan," kata Dr Mahathir.

Malah, beliau berkata, gabenor itu sendiri bersedia mengumpulkan  
seberapa ramai pelancong dan ahli perniagaan untuk melawat Malaysia.

(END)